**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**
**NEGERI PERAK**

# PEPERIKSAAN PERNILAIAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

**1249/1**

**SEJARAH**
**Kertas 1**
**Ogos**

1 jam **Satu jam**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan.*

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

**Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.**



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

1 Maklumat di bawah merujuk kepada ciri tamadun manusia.

| Pengkhususan Pekerjaan |
|---|

Apakah kesan daripada ciri tersebut?

A Menghasilkan kemakmuran
B Meluaskan pengaruh politik
C Mengiktiraf pemimpin berwibawa
D Mewujudkan pelbagai kepercayaan

2 Setiap kubu pertahanan di negara kota Mesopotamia dilengkapi pelbagai bentuk pintu gerbang. Bentuk pintu gerbang tersebut melambangkan

A ketinggian seni
B ketaatan agama
C kekayaan negara
D kegigihan semangat

3 Mengapakah raja-raja dinasti Shang menganggap pengesahan politik daripada rakyat tidak penting?

A Mendapat sokongan luar
B Mempercayai Yin dan Yang
C Termaktub dalam perlembagaan
D Berketurunan pemerintah agama

4 Julius Caesar telah menjadi diktator semasa menguasai kerajaan Rom.
Apakah gelaran yang beliau gunakan ketika itu?

A Duke
B Wazir
C Praeotor
D Maharaja

5 Rajah di bawah merujuk kepada undang-undang yang diguna pakai pada zaman tamadun Rom.

Undang-undang Rom → Papan Dua Belas
Undang-undang Rom → Justinian

Berdasarkan undang-undang di atas, yang manakah berkaitan dengan undang-undang tersebut?

A Raja berkuasa mutlak
B Hukuman berasaskan bukti
C Hukuman mengikut status sosial
D Undang-undang berasaskan falsafah

6

| Kerajaan | Peranan |
|---|---|
| Kedah Tua (5 M hingga 13 M) | Menjadi pelabuhan entrepot sebelum Melaka |

Berpandukan maklumat di atas, apakah bukti yang menunjukkan kerajaan tersebut berperanan sebagai entrepot?

A Tinggalan monumen
B Jumpaan syiling emas
C Penemuan arca logam
D Penemuan tembikar China



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

7 Mengapakah Bahasa Melayu menjadi lingua franca di Asia Tenggara pada abad ke-7 hingga ke-13 Masihi?

A Arahan pemerintah
B Asia Tenggara belum dijajah
C Orang Melayu pedagang terulung
D Kepulauan Melayu pusat pelancongan

8

| ZAMAN | PERISTIWA | JANGKAMASA |
|---|---|---|
| Jahilliah | Peperangan al-Basus | 40 tahun |

Berdasarkan jadual di atas, mengapakah peperangan tersebut berlarutan selama 40 tahun?

A Merebut kawasan
B Melibatkan banyak puak
C Campur tangan kuasa luar
D Semangat kesukuan melampau

9

| |
|---|
| Orientalis Barat mentafsirkan hijrah sebagai satu pelarian. |

Mengapakah umat Islam menyangkal pendapat tersebut?

A Mencari kemewahan hidup
B Sokongan masyarakat Quraisy
C Muhajirin disediakan tempat tinggal
D Perpindahan Muhajirin tidak dihalang

10 Pada pendapat anda, mengapakah kedudukan Islam semakin kuat selepas Perjanjian Hudaibiyah?

A Pengukuhan sistem khalifah
B Pengiktirafan kerajaan Islam
C Pembentukan kerajaan pusat
D Penetapan sempadan kerajaan Islam

11 Apakah bukti kerajaan Uthmaniah mengamalkan dasar diplomasi dan toleransi di kawasan jajahan takluknya di Eropah?

A Menyokong gerakan Reformation
B Mengiktiraf kedudukan gereja Ortodok
C Mengukuhkan sistem feudal tempatan
D Menjalin kerjasama dengan tuan tanah

12

| TEORI KEDATANGAN ISLAM | BUKTI |
|---|---|
| Dari Semenanjung Tanah Arab | Persamaan hasil kesusasteraan di Asia Tenggara dengan yang terdapat di Semenanjung Tanah Arab |

Berdasarkan jadual di atas, siapakah tokoh yang mengutarakan pendapat tersebut?

A S.Q. Fatimi
B John Crowford
C Emanuel Gadinho Eredia
D Profesor Syed Muhammad Naquib



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

13 Apakah usaha kerajaan Johor-Riau menyebarkan Islam setelah kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

A Berperang dengan Portugis
B Bekerjasama dengan Siam
C Mengasaskan institusi pondok
D Meluaskan pengaruh Wali Songo

14 Maklumat berikut berkaitan nasab keturunan pemerintah dalam masyarakat di Asia Tenggara.

| Pengaruh Hindu Buddha | Pengaruh Islam |
|---|---|
| Nasab keturunan raja daripada penitisan dewa | Nasab keturunan raja/sultan daripada Iskandar Zulkarnain |

Apakah kepentingan penggunaan nasab dalam masyarakat Melayu tradisional?

A Melambangkan kekuasaaan
B Memperlihatkan kewibawaan
C Menunjukkan sifat kepahlawanan
D Meninggikan kedudukan pemerintah

15 Maklumat berikut memperlihatkan amalan masyarakat Melayu tradisional.

- Menggunakan panggilan seperti 'Pak Long' dan 'Mak Long'
- Bertutur dengan nada suara yang rendah

Mengapakah amalan tersebut penting?

A Memelihara adat resam
B Mengelakkan permusuhan
C Menghormati orang dewasa
D Memperlihatkan kebaikan diri

16 Apakah sebab berlakunya gerakan Reformation di Eropah pada abad ke-16?

A Arahan Paus
B Penyelewengan gereja
C Desakan golongan patron
D Permusuhan raja dengan rakyat

17 Pada tahun 1494, Perjanjian Tordesillas telah ditandatangani antara kuasa Portugis dan Sepanyol. Apakah faktor yang mendorong kepada perjanjian tersebut?

A Perang saudara
B Persengketaan politik
C Perbezaan mazhab agama
D Persaingan mendapatkan tanah jajahan

18

| Tahun | Pemodal Cina |
|---|---|
| 1910 | 78% |
| 1930 | 37% |
| 1937 | 32% |

Berdasarkan jadual di atas, mengapakah penguasaan pemodal Cina dalam sektor perlombongan bijih timah merosot?

A Gangguan kongsi gelap
B Pengenalan kapal korek
C Kekurangan tenaga mahir
D Peningkatan kemasukan buruh



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

19

| Abad | Peristiwa |
|---|---|
| Ke-20 | Kemasukan imigran Foochow dari China ke Sarawak |

Berdasarkan jadual di atas, mengapakah mereka di bawa masuk?

A Menarik kemasukan modal
B Membangunkan sektor pertanian
C Memajukan sektor perlombongan
D Meningkatkan sektor perindustrian

20 Sejak abad ke-15, China dan India menjadi sasaran imperialisme Barat.
Apakah alasan mereka berbuat demikian?

A Potensi pasaran
B Kestabilan politik
C Kemajuan rakyat
D Jaminan keselamatan

21 Senarai di bawah berkaitan akta yang diperkenalkan British dalam pentadbiran di Burma.

- Akta Kampung Ulu Burma 1887
- Akta Perkampungan Burma 1889

Berdasarkan akta tersebut, apakah kesannya kepada Burma?

A Semangat perkauman dihapuskan
B Persempadanan wilayah dikemaskini
C Perkampungan tradisional diwujudkan
D Sistem pentadbiran tradisional lenyap

22

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| 2 November 1875 | Pembunuhan J.W.W. Birch |

Merujuk jadual di atas, mengapakah J.W.W. Birch dibunuh?

A Membawa masuk buruh asing
B Mencampuri adat resam tempatan
C Mendedahkan kelemahan pentadbir
D Memperkenalkan Sistem Tanaman Paksa

23 Senarai di bawah merujuk kepada sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19

- Sistem pendidikan Inggeris
- Sekolah Vernakular Melayu

Berdasarkan senarai tersebut, apakah kesannya terhadap orang Melayu?

A Pemupukan perpaduan
B Persaingan tenaga mahir
C Pembasmian kemiskinan
D Kemunculan golongan intelektual



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

24

- Revolusi Inggeris 1688
- Perang Kemerdekaan Amerika 1776
- Revolusi Perancis 1789

Berdasarkan maklumat di atas, apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

A Penyatuan ideologi
B Pembendungan pengaruh luar
C Kewujudan kerajaan monarki baru
D Kemunculan negara bangsa moden

25

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (1895)

Apakah tujuan undang-undang di atas digubal?

A Tugasan Jemaah Menteri
B Memantapkan sistem pentadbiran
C Pengagihan kuasa di semua peringkat
D Pelantikan pembesar secara demokrasi

26 Apakah perkara yang terkandung dalam Malayan Union yang ditentang oleh orang-orang Melayu?

I Kehilangan jati diri orang Melayu
II Kehilangan takhta raja-raja Melayu
III Persediaan membentuk negara sendiri
IV Pemberian dasar perlindungan negeri-negeri Melayu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

27 Mengapakah orang dagang menentang cadangan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

A Kedudukan mereka terancam
B Prinsip kerakyatan Jus Soli dimansuhkan
C Tiada wakil dalam jawatankuasa Eksekutif
D Diketepikan daripada menyertai pentadbiran

28 Tokoh berikut berperanan mengemukakan idea pentadbiran negara.

- Dato' Onn Ja'afar
- Sir Henry Gurney

Apakah model pemerintahan yang dicadangkan oleh mereka?

A Sistem Ahli
B Malayan Union
C Pakatan Murni
D Pembentukan Malaysia

29 Penyataan berikut merujuk kepada keputusan pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952.

Gabungan UMNO-MCA memenangi 9 daripada 12 kerusi yang dipertandingkan

Apakah kesan daripada perkembangan di atas?

A Pelaksanaan Sistem Ahli
B Pembentukan Parti Perikatan
C Kewujudan Lembaga Majlis Bandaran
D Pengenalan Dasar Desentralisasi British



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com



30 Maklumat berikut merujuk kepada perundingan yang berlaku di London.

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| 18 Januari hingga 8 Februari 1956 | Rundingan antara pemimpin Parti Perikatan, wakil sultan dengan kerajaan British |

Apakah hasil daripada perundingan tersebut?

A Pengisytiharan darurat
B Perlantikan Ketua Menteri
C Pembentukan suruhanjaya bebas
D Penentuan tarikh pembentukan Malaysia

31 Penyataan berikut merujuk kepada pandangan Barisan Sosialis di Singapura terhadap pembentukan Malaysia.

| |
|---|
| Pembentukan Malaysia adalah satu penjajahan bentuk baru |

Apakah kesan daripada tindakan tersebut?

A Pungutan suara diadakan
B Penguasaan parti berhaluan kiri
C Pembubaran pentadbiran British
D Penarikan diri Singapura dari Malaysia

32 Penyataan berikut merujuk kepada langkah ke arah pembentukan Malaysia.

| |
|---|
| Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK)ditubuhkan pada Julai 1961 |

Apakah peranan jawatankuasa di atas?

A Memperincikan referendum
B Menentukan dasar imigresan
C Mengumpul pandangan penduduk
D Membincangkan kepentingan penduduk

33 Maklumat berikut menerangkan tentang kuasa pemerintahan di Malaysia.

X → Bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan

X merujuk kepada

A Badan Judisiari
B Badan Legislatif
C Badan Eksekutif
D Badan bukan kerajaan

34

| |
|---|
| Sistem Raja Berperlembagaan merupakan tonggak keagungan kerajaan Malaysia sejak merdeka. |

Apakah kepentingan sistem tersebut kepada rakyat?

A Kebebasan hak asasi
B Raja menaungi rakyat
C Pengekalan sistem pemerintahan beraja
D Pembentukan sistem demokrasi berparlimen

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com



35 Maklumat berikut merujuk kepada keahlian Dewan Negara dalam Parlimen di Malaysia.

- Mengandungi 69 orang
- Digelar senator

Ahli Dewan Negara dipilih melalui

A pilihan raya
B pencalonan ahli politik
C pemilihan jemaah menteri
D perlantikan oleh Yang di Pertuan Agong

36 Apakah tumpuan utama kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keempat?

A Warga bandar berpendapatan rendah
B Perkembangan perusahaan berat
C Perpaduan penduduk
D Perkembangan bidang pertanian

37 Dasar Pertanian Negara telah dilancarkan pada 12 Januari 1984

Apakah matlamat dasar tersebut?

A Meningkatkan kualiti barangan
B Mengurangkan kadar pengangguran
C Mengurangkan beban kewangan kerajaan
D Memajukan komoditi utama untuk diekspot

38 Apakah matlamat penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan

A Memupuk keperibadian kebangsaan
B Menyemarakkan semangat patriotik
C Melahirkan masyarakat liberal
D Menjamin keadilan ekonomi

39 Senarai berikut merupakan pakatan negara-negara Eropah yang dibentuk pada awal abad ke-20.

- Perikatan Kuasa Tengah
- Pakatan Bertiga

Apakah kesan pembentukan tersebut?

A Perang Dunia Pertama
B Perang Dunia Kedua
C Perang Dingin
D Perang Salib

40 Maklumat berikut merujuk kepada salah satu program yang diperkenalkan oleh pertubuhan Komanwel.

Rancangan Colombo

Apakah faedah yang diperoleh Malaysia daripada rancangan tersebut?

A Bantuan makanan
B Bantuan pertahanan
C Bantuan pendidikan
D Bantuan perubatan